

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]
TARIKH : 12.11.2014 (RABU)

TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah pembaharuan yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian di dalam memperbaiki sistem penyampaian bekalan barangan subsidi di luar bandar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memperbaiki sistem penyampaian bekalan barangan subsidi di luar bandar, selain daripada melaksanakan prosedur kawalan dalaman, Kementerian juga mengambil langkah-langkah tegas seperti berikut:

- i) Mengeluarkan surat lantikan transporter yang seragam oleh Pejabat KPDNKK Negeri sebagai pengesahan lantikan transporter dengan menyatakan maklumat seperti jenis projek, kelulusan kuota serta tempoh sah laku dokumen tersebut. Semua transporter yang dilantik perlu membawa dokumen terbabit sepanjang masa pelaksanaan projek;
- ii) Mengawal pengambilan bekalan di stesyen minyak terpilih melalui pengeluaran Surat Kebenaran Pengambilan Bekalan Minyak Diesel/Petrol untuk setiap kali ambilan;
- iii) Melaksanakan penguatkuasaan secara bersepadu kerjasama agensi penguatkuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Polis Marin, Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Kastam, dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM).